

# 454 nelayan terima wang ehsan

**Saguhati  
berjumlah  
RM908,000  
ringan beban**

NOR AZURA MD AMIN

PONTIAN

**S**eramai 454 nelayan Mukim Serkat bagi kawasan Tanjung Piai menerima pembayaran suguhan berjumlah RM908,000 bagi meringankan beban berikutan projek pembangunan pesisir pantai dijalankan di kawasan mereka.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr Ismail Bakar berkata, setiap nelayan terlibat menerima bantuan RM2,000 diberikan secara *one-off*.

Menurutnya, kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan sentiasa prihatin bantu nasib nelayan terjejas dengan penyaluran bantuan selain rangka pelbagai projek ekonomi pada masa akan datang.

"Pada 21 Januari lalu, satu



Ismail (tengah) ketika umum bayaran wang ehsan kepada nelayan.

perjumpaan telah diadakan antara Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek dengan nelayan Tanjung Piai.

"Rentetan perjumpaan itu, masalah nelayan di sini dibantu dan atas keprihatinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak supaya diberi wang ehsan bagi meringankan kos sara hidup," katanya pada Majlis Penyampaian Wang Ehsan kepada Nelayan Mukim Serkat di Kompleks Penghulu Serkat, di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Parlimen Tanjung Piai, Datuk Seri Wee Jeck Seng; Adun Kukup, Suhaimi Salleh; Pegawai Dادر, Mohd Shukri Mohd Masbah; Pengurus Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Jo-

hor Selatan, Azli Mohd Aziz dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKIM, Jamaludin Othman.

Ismail berharap, bantuan itu dapat digunakan sebagai persediaan menyambut Ramadan bulan depan.

Katanya, bidang baharu seperti keusahawaran, pemasaran, kemahiran, agro pelancongan, akuakultur dan industri asas tani antara tumpuan diberikan kerajaan bagi lonjakkan ekonomi nelayan.

Sementara itu, Jamaludin berkata, wang ehsan itu diharap digunakan sebaik mungkin dan nelayan juga digalakkan terlibat aktiviti tambahan seperti ternakan kupang dan agrotourism bagi tambah pendapatan.



Ismail (empat, kanan) menyampaikan wang ehsan kepada nelayan di Kompleks Penghulu Serkat.



Ismail (tengah) bersama salah seorang nelayan yang menerima wang ehsan berkenaan.

## Nelayan sebak terima bantuan



Mansor sebak ketika memeluk rakan nelayan ketika menerima wang ehsan diberikan.

**PONTIAN** – Suasana sebak menyelubungi Kompleks Penghulu Mukim Serkat, di sini, apabila ada nelayan yang menangis ketika menerima bantuan wang ehsan berjumlah RM908,000.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Nelayan Tanjung Piai, Mansor Mahidin berkata, jalan penuh berliku terpaksa ditempuh bagi memastikan nasib kira-kira 454 nelayan dari enam pengkalan di sekitar Tanjung Piai akhirnya terbaik.

Jelasnya, pertemuan dengan pelbagai pihak di peringkat negeri, Pusat dan kerajaan sering dilakukan selepas isu penambakan benteng pemecah ombak timbul sejak empat tahun lalu.

"Sedih rasanya bila kenang jalan berliku yang terpaksa tempuh. Nelayan di sini mahu suara mereka didengar, jadi kami gunakan

saluran melalui jawatankuasa bertindak nelayan yang ditubuhkan.

"Kami bersyukur kerajaan kerajaan negeri turut beri bantuan RM3,000 setiap nelayan pada tahun lalu.

"Kali ini, masalah kami dapat perhatian Kementerian Pertanian Industri Asas Tani, malah menteri sendiri turun

pada Januari lalu untuk dengar masalah kami di sini," katanya.

Mansor berkata, perjuangan membela nasib nelayan dari enam pengkalan terjejas dengan penambakan diharap mendapat perhatian sewajarnya daripada agensi dan jabatan kerajaan terlibat.

## Hargai bantuan saguhati

**PONTIAN** – Wang ehsan RM2,000 yang diserahkan kepada 454 nelayan di Mukim Serkat dianggap pemberian paling bermakna, sekali gus menunjukkan keprihatinan kerajaan.

Rata-rata nelayan amat menghargai bantuan itu terutama ketika sumber pendapatan semakin berkurang akibat pelbagai faktor termasuk cuaca, pencemaran dan pembangunan dijalankan.



HASBULLAH

Nelayan, Hasbullah Malek, 50, berkata, dia bersyukur dengan bantuan tersebut yang akan digunakan bagi membeli peralatan menangkap ikan.

Katanya, keprihatinan kerajaan mendengar nasib nelayan amat dihargai, lebih-lebih lagi bagi nelayan di Tanjung Piai.

"Syukur, suara disampaikan nelayan menerusi Jawatankuasa Bertindak Nelayan Tanjung Piai mendapat perhatian dan pembelaan sewajarnya."

"Kami harap bantuan seumpama ini tidak terhenti setakat ini, sebaliknya perlu diteruskan untuk masa hadapan," katanya.

Nelayan lain, Mohd Shaid Abu Bakar, 50, pula berkata, wang yang diterima akan digunakan membeli barang keperluan harian untuk lima anaknya.

Katanya, dia berterima kasih kepada kerajaan kerana berikan wang ihsan itu.

"Saya amat gembira dengan bantuan diterima dan akan menggunakan secara berhemah untuk menampung perbelanjaan harian keluarga," katanya.

Nelayan, Surati Sarti, 68, pula tidak sangka dia dapat bantuan tersebut bersama suaminya Osman Abdullah, 65, yang juga nelayan di Pengkalan Sungai Durian.